

## “ADAB BERADA DALAM MASJID”

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.  
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,

Masjid adalah tempat sujud, rumah Allah *Subhanahu wa-Taala*. Tetamu yang datang mengunjungi masjid adalah mereka yang sanggup mengabdikan diri kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan berjanji akan menjadi hamba Allah *Subhanahu wa-Taala* yang sentiasa taat kepada perintah-Nya. Masjid adalah salah satu daripada tanda wujudnya umat Islam di suatu tempat di muka bumi ini, kerana di sinilah tempat pertemuan dan merupakan salah satu tanda perpaduan umat Islam. Di sinilah juga

wujudnya orang yang bertakwa dan bersaudara. Sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah At-Taubah ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى

الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ <sup>ط</sup>أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud : “Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

Masjid tidaklah dapat disamakan dengan tempat-tempat lain seperti rumah-rumah persendirian, dewan orang ramai, pusat membeli-belah atau pasar kerana tempat yang suci lagi mulia ini menjadi tempat orang Islam melakukan ibadah kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Ia juga adalah tempat kebajikan yang penuh dengan rahmat dan berkat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggesa umatnya agar cintakan masjid supaya dapat menyelamatkan diri dan mendapat perlindungan Allah Subhanahu wa-Taala pada hari kiamat. Mereka yang sentiasa mengunjungi masjid dengan tujuan beribadah dan mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa-Taala akan memperolehi

ganjaran yang besar iaitu syurga serta menjadi bukti tentang keimanan pada hari akhirat kelak. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ وَرَاحَ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُ نُزْلَهُ مِنْ الْجَنَّةِ كُلَّمَا غَدَا أَوْ رَاحَ

Bermaksud: “Sesiapa yang pergi ke masjid di waktu pagi dan petang, Allah SWT menyediakan untuknya sesuatu hidangan yang biasa diberikan kepada tetamu di syurga bagi setiap kali ia pergi ke masjid sama ada pagi atau petang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Apa yang membimbangkan suasana akhir-akhir ini ialah ada segelintir masyarakat yang kurang beradab ketika mengunjungi masjid. Mereka tanpa segan silu tidak menghormati kesucian dengan melakukan perbuatan keji seperti mencaci, memfitnah dan melontarkan tohmahan, memburuk-burukkan peribadi orang lain serta mendedahkan keaiban saudaranya. Perbuatan menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran fitnah, fahaman individu dan politik kepartian bertentangan dengan roh Islam. Allah Subhanahu wa-Taala secara tegas menempelak sikap golongan munafik yang cuba menjadikan masjid ini sebagai alat perpecahan menerusi firman-Nya dalam surah at-Taubah ayat 107:

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ

وَأَرْصَادًا لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلُ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَى وَاللَّهُ

يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ



Yang bermaksud : *“Dan orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan, dan menguatkan keingkaran, serta memecah-belahkan perpaduan orang yang beriman, dan untuk (dijadikan tempat) intipan bagi orang yang telah memerangi Allah Subhanahu wa-Taala dan Rasul-Nya sebelum itu. Dan mereka akan bersumpah dengan berkata: Tidaklah kami kehendaki melainkan untuk kebaikan semata-mata. Padahal Allah menyaksikan, bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta.)*

Dengan itu menjadi tanggungjawab umat Islam sekalian bahawa kunjungan kita ke masjid hendaklah atas dasar ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala. Hendaklah kita menjaga adab-adab, tatatertib, tingkah laku, perbuatan dan percakapan kita semasa berada di tempat yang mulia ini. Mereka yang hadir ke masjid atas tujuan untuk memecah-belahkan umat Islam serta memburuk dan mencemarkan imej Islam adalah dilarang dan boleh disamakan dengan golongan musyrik yang tidak layak memakmurkan masjid ini.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Marilah kita bersama-sama menjaga kesucian masjid dengan menjaga adab-adabnya seperti memasuki masjid dengan kaki kanan serta membaca doa, kemudian solat dua rakaat tahiyatul masjid, berniat iktikaf, tidak melintas di hadapan orang sedang solat dan lain-lain. Elakkan diri daripada melakukan kekotoran zahir seperti berpakaian kotor, mulut berbau kerana rokok dan membuang sampah merata-rata. Kekotoran batin pula iaitu berkata nista, berbohong, berdusta, hasad dengki, menceritakan urusan duniawi dan lain-lain. Said bin Musayyab berkata: *Sesiapa yang duduk di dalam masjid, bererti dia bertemu dengan Tuhannya dan semestinya dia hanya berkata-kata dengan perkataan baik*”. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-A'raf ayat 29:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾

Yang bermaksud : katakanlah: "Tuhanku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara), dan (menyuruh supaya kamu) hadapkan muka (dan hati) kamu (kepada Allah) dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang, dan beribadatlah dengan mengikhlaskan amal agama kamu kepadanya semata-mata; (kerana) sebagaimana ia telah menjadikan kamu pada mulanya, (demikian pula) kamu akan kembali (kepada-Nya).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.